



MANUAL KHUTBAH JUMAAT



TAJUK ;
UMUR BERKAT,
BAHAGIA AKHIRAT



ISLAMIC SALVAGEUR OBEYANCE

Unit Khutbah
Bahagian Pengurusan Masjid
Jabatan Agama Islam Selangor



"UMUR BERKAT BAHAGIA AKHIRAT".1

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ : وَلِكُلِّ أُمَّةٍ أَجَلٌ فَإِذَا جَاءَ أَجْلُهُمْ لَا يَسْتَأْخِرُونَ سَاعَةً وَلَا يَسْتَقْدِمُونَ ﴿٣٤﴾	2
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.	3
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ! أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.	4
قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ ﴿١٠٢﴾	
Saya menyeru agar kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan segala perkara yang dilarang-Nya. Semoga kita semua diberikan kebahagiaan dan kejayaan di dunia dan akhirat. Para jemaah diingatkan supaya jangan bermain dengan telefon bimbit ketika khutbah disampaikan.	5
Pada hari yang mulia ini mimbar akan membicarakan khutbah bertajuk " UMUR BERKAT, BAHAGIA AKHIRAT ".	6



<p>Umur adalah perjalanan waktu yang bermula sejak kelahiran kita sehingga tiba saatnya kita kembali ke pangkuan Allah SWT. Ia adalah suatu ketetapan dan rahsia yang hanya dalam pengetahuan-Nya serta tidak boleh dilewatkan atau diawalkan walaupun satu saat</p>	7
<p>sebagaimana firman Allah SWT dalam surah al-A'raf ayat 34 yang telah dibacakan pada awal khutbah yang bermaksud:</p> <p><i>"Dan bagi tiap-tiap umat ada tempoh (yang telah ditetapkan); maka apabila telah datang tempoh mereka, tidaklah mereka dapat melewatkannya walau sesaat pun, dan tidak (pula) mengawalkannya."</i></p>	8
<p>Usia yang dikurniakan oleh Allah SWT kepada setiap hamba-Nya merupakan nikmat dan amanah yang akan dipertanyakan bagaimana ia dimanfaatkan di hadapan-Nya kelak. Umur bukan sekadar angka, tetapi suatu tempoh kehidupan untuk diisi dengan ketaatan.</p> <p>Allah SWT telah menetapkan kehidupan manusia melalui fasa umur yang bermula daripada fasa penciptaan hingga ke fasa usia tua. Setiap fasa adalah peluang dan tanggungjawab yang perlu kita manfaatkan untuk mengabdikan diri kepada Allah SWT.</p>	9



Firman Allah SWT dalam surah al-Ahqaf ayat 15 yang bermaksud:

"Dan Kami wajibkan manusia berbuat baik kepada kedua ibu bapanya; ibunya telah membawanya dalam kandungan dengan menanggung kepayahan dan telah melahirkannya dengan menanggung keperitan. Sedang tempoh mengandungnya berserta dengan tempoh menceraikan susunya ialah dalam masa tiga puluh bulan. Setelah ia besar sampai ke peringkat dewasa yang sempurna kekuatannya dan sampai ke peringkat umur empat puluh tahun, berdoalah ia dengan berkata: "Wahai Tuhanku, ilhamkanlah daku supaya tetap bersyukur akan nikmatmu yang engkau kurniakan kepadaku dan kepada ibu bapakku, dan supaya aku tetap mengerjakan amal soleh yang Engkau redai; dan jadikanlah sifat-sifat kebaikan meresap masuk ke dalam jiwa zuriat keturunanku. Sesungguhnya aku bertaubat kepadamu, dan sesungguhnya aku dari kalangan orang-orang Islam (yang tunduk patuh kepadamu)."

10

Allah SWT menciptakan kita bermula dalam keadaan kita serba lemah, tanpa pengetahuan dan daya. Kemudiannya Allah SWT mengurniakan pendengaran, penglihatan, hati, akal fikiran dan kudrat untuk melaksanakan tanggungjawab sebagai hamba-Nya.

11

Ketika usia kanak-kanak, anak-anak hendaklah ditanam dijiwanya benih keimanan dengan diajarkan mengenal Allah SWT dan menyintai Rasul-Nya. Ajarkan anak-anak menghormati orang yang lebih tua, rakan sebaya dan jiran tetangga. Pada fasa ini, ibu bapa atau institusi yang terlibat dalam pembentukan kanak-kanak memainkan peranan yang sangat penting agar anak-anak membesar dewasa secara alami dan melalui fitrah manusiawinya dengan penuh kesedaran agama dan dengan tujuan kehidupan yang sebenar.

12



Ketika melangkah ke usia remaja, tibalah waktu untuk membina hala tuju kehidupan, mengenali potensi diri serta memilih jalan yang benar dengan memperkukuh keimanan dan menjauhi godaan hawa nafsu dan syaitan. Sebagai pemuda, remaja perlu menggunakan zaman muda mereka dengan berusaha melibatkan diri dalam kegiatan yang bermanfaat serta mendekati diri kepada Allah SWT melalui aktiviti-aktiviti yang menekankan aspek ilmu, ibadah dan amal soleh.

13

Hadis yang diriwayatkan daripada Abu Sa'id al-Khudri Radiallahuanhuma bahawa Rasulullah SAW bersabda:

إِذَا رَأَيْتُمُ الرَّجُلَ يَعْتَادُ الْمَسْجِدَ، فَاشْهَدُوا لَهُ بِالْإِيمَانِ، قَالَ اللَّهُ
تَعَالَى: إِنَّمَا يَعْمُرُ مَسَاجِدَ اللَّهِ مَنْ آمَنَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ.

14

"Apabila kamu melihat seseorang yang membiasakan dirinya ke masjid, maka saksikanlah baginya keimanan. Allah SWT telah berfirman: "Hanyasanya yang memakmurkan masjid-masjid Allah ialah orang-orang yang beriman kepada Allah dan hari akhirat".

(Riwayat al-Tirmizi).

15

Ketika menginjak usia dewasa, mereka pada fasa dipenuhi dengan pelbagai amanah dan tanggungjawab, baik sebagai anak, suami atau isteri, ibu, bapa, pekerja, anggota masyarakat dan rakyat bagi sebuah negara. Pada usia ini, mereka hendaklah berusaha untuk menjadi insan yang bermanfaat dengan memperkukuh dan menjaga hubungan dengan Allah SWT, memperkukuh institusi keluarga, memperkukuh hubungan sesama manusia, memberi nilai tambah kepada masyarakat dan negara.

16



Menjelang fasa usia tua, ia menjadi waktu untuk warga tua merenung kembali perjalanan hidup serta menginsafi segala kekurangan dan dosa yang lalu. Di saat ini, amal soleh menjadi sangat berharga kerana umur yang panjang merupakan peluang terakhir untuk memperbaiki diri, memperbanyak amal kebaikan, dan lebih mendekatkan diri kepada Allah SWT dengan harapan mendapat pengampunan dan kasih sayang Allah SWT sebelum tiba tamatnya usia.

17

Hari ini, kita diberi kesempatan untuk merenung sejenak nikmat usia yang Allah SWT anugerahkan kepada kita. Setiap peringkat usia yang kita lalui merupakan suatu kesempatan yang baik dan pada masa yang sama merupakan ujian dari-Nya.

18

Kita juga perlu memahami dan menyedari bahawa setiap detik yang berlalu dalam kehidupan ini akan dipertanggungjawabkan di hadapan Allah SWT kelak. Salah satu soalan yang pasti akan ditanya adalah bagaimana kita menghabiskan umur yang diberikan. Adakah kita menggunakan umur yang berharga ini untuk melakukan amal soleh dan mendekatkan diri kepada-Nya, atau kita mensia-siakan masa yang diberikan tanpa sebarang manfaat, membiarkan ia berlalu begitu sahaja?

19

Hadis daripada Abi Barzah al-Aslami Radiallahuanhuma bahawa Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

"Tidak akan berganjak kedua-dua kaki seorang hamba pada hari kiamat sehingga dia ditanya tentang: umurnya bagaimana ia dihabiskan; ilmunya, apa yang diamalkan; hartanya, dari mana ia diperolehi dan ke mana ia dibelanjakan; serta tubuh badannya, bagaimana ia digunakan."

20

(Riwayat at-Tirmizi).



Oleh yang demikian, marilah kita merebut peluang dan memanfaatkan sebaik-baiknya masa dan usia yang dianugerahkan oleh Allah SWT ini agar kita dapat kembali kepada-Nya dalam keadaan diredai, diberkati, serta diberikan kebahagiaan yang kekal abadi.

Sebagaimana yang telah dinyatakan dalam sebuah hadis yang masyhur, diriwayatkan daripada Ibnu Abbas Radiallahuanhuma bahawa Rasulullah SAW bersabda:

"Manfaatkan lima perkara sebelum lima perkara; masa muda sebelum tua, sihat sebelum sakit, kaya sebelum miskin, masa luang sebelum sempit, dan hidup sebelum mati."

(Riwayat al-Hakim).

21

Mengakhiri khutbah pada hari ini, marilah kita mengambil iktibar dengan memahami, mengingati dan mengamalkan beberapa pengajaran berikut dalam kehidupan seharian:

1. Umat Islam hendaklah sentiasa ingat bahawa keberkatan umur bukan diukur dengan panjangnya usia tetapi pada sejauh mana ia diisi dengan amal soleh, ketakwaan dan pengabdian kepada-Nya.

2. Umat Islam hendaklah menyedari dan meyakini bahawa umur merupakan suatu amanah dan ujian yang harus dimanfaatkan sebaik-baiknya dengan sentiasa berusaha memperbaiki diri, memperbanyakkan amal kebaikan dan memohon ampun kepada Allah SWT.

3. Umat Islam hendaklah sentiasa bersyukur dengan nikmat usia yang diberikan oleh Allah SWT dan tidak mensia-siakannya dengan perkara-perkara yang tidak bermanfaat.

22



<p>أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ لَقَدْ خَلَقْنَا الْإِنْسَانَ فِي أَحْسَنِ تَقْوِيمٍ ﴿٤﴾ ثُمَّ رَدَدْنَاهُ أَسْفَلَ سَافِلِينَ إِلَّا الَّذِينَ ءَامَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ فَلَهُمْ أَجْرٌ غَيْرُ مَمْنُونٍ ﴿٦﴾</p>	23
<p><i>“Sesungguhnya Kami telah menciptakan manusia dalam bentuk yang sebaik-baiknya (dan berkelengkapan sesuai dengan keadaannya). Kemudian (jika dia panjang umur sehingga tua atau menyalahgunakan kelengkapan itu), Kami kembalikan dia ke serendah-rendah peringkat orang-orang yang rendah. Kecuali orang-orang yang beriman dan beramal soleh, maka mereka beroleh pahala yang tidak putus-putus”.</i></p> <p>(Surah Al-Tin: 4-6)</p>	24
<p>بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.</p>	30
<p>أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ</p>	31



KHUTBAH KEDUA

1	الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ،
2	وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
3	أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.
4	إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾
5	اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.
6	اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.
	اللَّهُمَّ اصْلِحْ أُمَّةَ الْمُسْلِمِينَ وَوَلَاةَ أُمُورِهِمْ وَجَمِيعَ الْمُسْلِمِينَ



<p>اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى، وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى، أَنْ تَحْفَظَ بَعَيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةَ، وَبِحِفْظِ وَقَايَتِكَ الصَّمَدَانِيَّةَ،</p>	7
<p>جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعَظَّمِ، سُلْطَانَ سَلَاعُورِ، سُلْطَانَ شَرْفِ الدِّينِ ادریس شاه الحاج ابن المرحوم سُلْطَانَ صَلَاحِ الدِّينِ عبد العزيز شاه الحاج.</p>	8
<p>اللَّهُمَّ أَدِّمِ الْعَوْنَ وَالْهُدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لَوْلِيِّ عَهْدِ سَلَاعُورِ، تَعَكُّو أَمِيرِ شَاهِ ابْنِ السُّلْطَانَ شَرْفِ الدِّينِ ادریس شاه الحاج،</p>	9
<p>فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنِّكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. اللَّهُمَّ أَطْلُ عُمْرَهُمَا مُصْلِحِينَ لِلْمُوظَّفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ.</p>	10
<p>Ya Allah! kami berindung dengan-Mu daripada ujian yang berat, daripada ditimpa kecelakaan, dari buruknya takdir dan dari kegembiraan para musuh atas ujian dan kecelakaan yang menimpa kami. Ya Allah, kami mengharap perlindungan-Mu, daripada hilangnya nikmat yang Engkau berikan, dari berubahnya kesihatan yang Engkau kurniakan, lindungi negeri kami dari datangnya bencana dan malapetaka. Ya Allah, hanya Engkau yang Maha menyelamatkan, selamatkan Masjid Al Aqsa di Palestin.</p>	11



<p>Ya Allah! Jadikanlah kami antara hamba-Mu yang menjaga amanah. Kuatkan iman kami agar menjauhi perbuatan khianat serta jauhkan kami termasuk dalam golongan yang mengabaikan tanggungjawab dan jauhi negeri dan negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa. Serahkan tanggungjawab memimpin negara kami kepada hamba-Mu yang amanah dan jujur serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan syariat. Jadikanlah Ya Allah masjid dan surau di Negeri Selangor rumah-rumah-Mu yang aman, mempersatukan dan menjadi nadi kekuatan ummah.</p>	12
<p>Ya Allah! Bukankanlah pintu hati umat Islam khususnya di Negeri Selangor untuk menunaikan zakat dengan penuh keikhlasan. Limpahkanlah keberkatan kepada mereka yang melaksanakan kewajipan zakat pada harta, pendapatan, dan keluarga mereka. Jauhkanlah mereka dari segala musibah dan kesulitan dan jadikanlah zakat sebagai salah satu jalan mereka meraih rahmat-Mu dan balasan syurga yang abadi di akhirat kelak.</p>	13
<p>رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ ﴿٢٠١﴾</p>	14
<p>عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩٠﴾</p>	15
<p>فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذُكِّرْكُمْ وَاشْكُرُواهُ عَلَىٰ نِعَمِهِ يَزِيدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِيكُمْ وَلِذِكْرِ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.</p>	16



*Khutbah Jumaat 20 Disember 2024M / 18 Jumadal Akhirah 1446H: "Umur Berkat, Bahagia Akhirat"
Jabatan Agama Islam Selangor*